

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Saturday, July 28, 2018 4:43 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Industri Kreatif Perlu Kepelbagaian Untuk Melangkah Lebih Jauh



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

28 JULAI 2018 / 15 ZULKAEDAH 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

INDUSTRI KREATIF PERLU KEPELBAGAIAN UNTUK MELANGKAH LEBIH JAUH



UUM ONLINE: Kuala Lumpur, 28 Julai - Kandungan industri kreatif negara memerlukan kepelbagaian untuk melangkah lebih jauh.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, industri kreatif tidak boleh bergantung atau terikat hanya pada filem, media atau komunikasi sahaja, sebaliknya merangkumi televisyen, muzik, seni visual, seni persembahan, buku, pengiklanan, dan game (permainan) seperti yang digariskan dalam Forum Ekonomi Dunia 2015.

Menurutnya, industri kreatif dan seni persembahan adalah satu 'business' yang perlu diuruskan dan boleh dibawa lebih jauh.

"Menjelang 2020, industri ini dijangka bakal menjana kekayaan mencecah USD50 bilion, namun jika dinilai dari aspek pengisian dalam industri kreatif di Malaysia masih lagi ketinggalan berbanding negara luar.

"Justeru, kita perlukan pelbagai sokongan untuk mengangkat industri kreatif negara ke peringkat global dengan kelebihan pengurusan dan perancangan strategik serta keunikan yang ada," ujarinya pada Majlis Perasmian Persidangan Meja Bulat 'Meneroka Perbatasan Baharu Industri Kreatif Malaysia: Dasar, Sistem Tadbir Urus dan Penerobosan Global' di KLCC, hari ini.

Beliau berkata, persidangan meja bulat atau RTC itu diadakan pada tepat masanya bagi membahaskan isu semasa, hala tuju dan cabaran kandungan industri kreatif negara.

Katanya, penggiat industri juga boleh menilai semula Dasar Industri Kreatif Negara yang diwartakan pada 2011 agar ia seiring dengan era Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) kini.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan, Serba Dinamik Holdings Berhad, Dato' Ir Abdul Karim Abdullah berkata, beliau percaya usaha gigih dan perancangan rapi dari semua lapisan, GCE Capital boleh mencapai kejayaan yang mana akan membawa satu keadaan 'win-win situation' dalam usaha memartabatkan industri kreatif.

Menurutnya, pada masa sama UUM juga akan mendapat keuntungan hasil pemikiran dan penghasil nukilan atau tulisan berbentuk ilmu yang diperlukan.

Bagi Pengerusi Yayasan Pembangunan Buku Malaysia (YPBM), Hasan Hamzah, pengamal industri harus berani meneroka apa sahaja walaupun berada di kampung.

Ujar beliau, tiada alasan industri kreatif negara tidak boleh menembusi pasaran antarabangsa yang cuma memerlukan idea dan nilai untuk pasarkan idea kreatif tersebut dalam pasaran global.

Persidangan meja bulat itu adalah anjuran bersama Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA), UUM dengan Global Content Exchange (GCE) Capital.

Pada majlis tersebut, UUM diwakili Naib Canselor turut menandatangani Letter of Intent (LoI) dengan YPBM yang diwakili Pengerusinya.

RTC selama sehari yang menghimpunkan pakar, pemain industri dan ahli akademik itu bertujuan membentuk rangka dasar, sistem dan pelaksanaan industri kreatif negara termasuk berkaitan pendidikan.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.